

BERITA HARIAN
THURSDAY 16 SEPT 2003

UniKL kendali program pendidikan berasas teknologi kejuruteraan

UNIVERSITI Kuala Lumpur (UniKL) menjadi institusi pengajian tinggi swasta pertama mengendalikan program pendidikan dan latihan kemahiran berasaskan teknologi kejuruteraan, sekali gus menjadi alternatif kepada pendidikan kejuruteraan konvensional.

Presidennya, Datuk Seri Dr Ibrahim Saad, berkata bagi mencapai matlamat itu, UniKL bergabung dengan lima institusi pendidikan kendalian Mara yang khusus dalam bidang teknikal dan teknologi menerusi program perpindahan teknologi dengan kerjasama institusi dan syarikat antarabangsa negara maju.

Beliau berkata, institusi berkenaan juga diberi nama baru, iaitu UniKL - Malaysia France Institute (MFI), UniKL - British Malaysian Institute (BMI), UniKL - Malaysian Spanish Institute (MSI), UniKL - Malaysian Institute of Aviation (Miat) dan UniKL - Institut Infotech Mara (IIM).

"Lima institusi ini mempunyai pengkhususan sendiri meliputi teknologi industri, komputer, elektri-

kal, komponen automotif, penyelenggaraan kapal terbang dan teknologi maklumat.

"Sehubungan itu, UniKL telah menyediakan tenaga pengajar berkelayakan dan berpengalaman, selain peralatan serta kemudahan pengajaran berteknologi tinggi.

"Selain itu, universiti ini juga menawarkan pendidikan sepanjang hayat, terutama kepada pekerja mahir dan separa mahir melanjutkan pengajian ke peringkat tinggi," katanya kepada *Berita Harian* di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Dr Ibrahim berkata, UniKL juga memberi peluang lulusan Institut Kemahiran Mara dan Pusat Giat Mara melanjutkan pelajaran ke peringkat diploma atau ijazah pertama dalam bidang yang sama.

Beliau berkata, bagi menyediakan pendidikan secara menyeluruh, Mara membelanjakan RM830 juta untuk pembangunan lima institusi pendidikan itu, sementara RM1.2 bilion bagi pembangunan pendidikan UniKL.

"Ketika ini, UniKL mempunyai kira-kira 7,000 pelajar yang me-

ngikuti 35 program diploma, satu profesional/lesen dan 10 ijazah pertama dalam bidang kejuruteraan teknologi yang dikendalikan 12 fakulti, termasuk lima institusi pendidikan tadi.

"Lima institusi ini juga dijadikan kampus cawangan, antaranya Fakulti Kejuruteraan Teknologi Kimia di Taboh Naning, Alor Gajah, Melaka dan Fakulti Kejuruteraan Teknologi Marin di Lumut, Perak.

"Fakulti Elektronik dan Komunikasi; Fakulti Multimedia, Komputer dan Teknologi Maklumat; Fakulti Kejuruteraan Pengurusan Perniagaan serta Pusat Penyelidikan dan Rundingan di kampus kota di Kuala Lumpur," katanya.

Sementara itu di kampus induk, juga di Kuala Lumpur, mengendalikan Fakulti Mekanikal, Automasi dan Penyelenggaraan; Fakulti Seni Reka Produk dan Pembuatan, di samping pentadbiran dan pengu-



DR IBRAHIM menunjukkan konsep UniKL sebagai IPTS pertama dalam bidang kejuruteraan teknologi tinggi.

Dr Ibrahim berkata, dengan penyusunan semula struktur kurikulum pendidikan UniKL, pelajar yang mempunyai kemahiran teknikal boleh meneruskan pengajian mereka ke peringkat profesional.

Beliau menjelaskan, UniKL terbuka kepada pelajar tempatan dan antarabangsa berdasarkan kategori masing-masing, iaitu lulusan sijil atau diploma institusi kemahiran teknikal Mara untuk pengajian peringkat diploma atau ijazah, manakala lulusan Sijil Pelajaran Malaysia yang tidak mempunyai pengetahuan kejuruteraan teknikal mengikuti matrikulasi yang akan dimulai tahun depan.